

PEMBENTUKAN MINDA KELAS PERTAMA DI DALAM PENDIDIKAN MALAYSIA : SATU ANALISA DEKONSTRUKSI

Prof Madya Datuk Zainal Abidin Borhan

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim,

Universiti Malaya

Lex, P. D. 2000. Mathematics and Computing, dalam *Mathematics: frontiers and*

Pengenalan

Kertas kerja ini merupakan suatu percubaan untuk melihat proses dan realiti pembentukan rakyat berminda kelas yang sepatutnya dihasilkan oleh institusi pendidikan Tinggi Negara. Untuk mencapai hasrat ini, kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan Dekonstruksi (bongkar dan bangun semula) terhadap peranan yang dimainkan oleh institusi pendidikan Tinggi Negara, di dalam proses pembentukan rakyat berminda kelas. Memanglah diakui, pendekatan dekonstruksi ini masih baru diperkenalkan dalam konteks Malaysia, bahkan bagi sesetengah golongan pendekatan ini dianggap sebagai sesat, terlalu berkiblat kepada teori barat⁴⁸⁰ dan menyerupai pandangan Islam liberal.⁴⁸¹ Walau apa pun komentar yang diberikan terhadap pendekatan dekonstruksi ini, kita beranggapan bahawa memang terdapat beberapa aspek positif daripada pendekatan ini yang boleh dimanfaatkan untuk pemerkasaan program pembangunan pendidikan di Malaysia. Fokus utama kajian akan diberikan kepada institusi pengajian Melayu-Islam dan bukannya membabitkan keseluruhan institusi pendidikan lain di Malaysia.

Berasaskan paradigma dekonstruksi, kajian ini akan meneliti realiti pembentukan rakyat berminda kelas yang telah dilaksanakan oleh institusi pendidikan Tinggi Negara, baik secara elemen negatif ataupun positif, dan apa yang lebih penting lagi, kita akan cuba mencadangkan beberapa pendekatan alternatif untuk usaha pembentukan rakyat berminda kelas ini.

Pendekatan Konsep Dekonstruksi di dalam Pemikiran Islam

Pada dasarnya kaedah dekonstruktif ini diperkenalkan sebagai lanjutan kepada program tajdid pemikiran Islam, yang berkembang di dalam era tahun-tahun 1980-2000. Buat pertama kali, konsep ini dikemukakan oleh Muhammad Arkoun yang kemudiannya turut diperlengkapkan lagi oleh beberapa sarjana Islam moden lain. Dalam konteks rantau Asia Tenggara, pandangan Muhammad Arkoun ini telah mendapat sambutan hangat dari kalangan sarjana Islam di Indonesia, yang kemudiannya cuba mengulas tentang kerelevanannya dengan konteks dunia moden.

Berasaskan kepada kaedah Muhammad Arkoun ini, pelbagai teori lain yang menggunakan pendekatan yang sama dikemukakan. Antara teori-teori ini adalah seperti teori double movement yang dikemukakan oleh Fazlur Rahman,⁴⁸² teori muqaranah al-Mazahib oleh Mahmud Shaltut⁴⁸³, teori ijtihad insya'I dan intiqa'I oleh Yusuf Qardawi,⁴⁸⁴ teori teks dan kontekstualnya oleh Ali Syariati,⁴⁸⁵ Mahmud Muhammad Taha dengan teori nasakh,⁴⁸⁶ teori al-Turath wal Tajdid oleh Hassan Hanafi⁴⁸⁷, teori Takwil dan Tadwin oleh Nasr Hamid Abu Zayd,⁴⁸⁸ teori hudud (batas) oleh Muhammad Syahrur⁴⁸⁹ dan teori model pemikiran bayani, burhani dan irfani oleh al-Jabiri.⁴⁹⁰ Walaupun diakui tidak semua daripada teori-teori ini sesuai dipakai untuk konteks Malaysia, tetapi sekurang-kurangnya

⁴⁸⁰ Adian Husaini, " Liberalisasi Islam Tantangan Bagi Peradaban Melayu ", Dalam (Edit) Hamid Fahmy Zarkasyi, *Tantangan Sekularisasi Dan Liberalisasi Di Dunia Islam*, Surabaya : Penerbit Khairul Bayan, 2004, Hlm 53-85

⁴⁸¹ Charles Kurzman, *Liberal Islam : A Sourcebook*, New York : Oxford University Press, 1998

⁴⁸² Fazlur Rahman, *Islam And Modernity : Transformation Of An Intellectual Tradition*, Chicago : The University Of Chicago Press, 1984.

⁴⁸³ Mahmud Shaltut, *Al-Islam : Aqidah Wa Syariah*, Kaherah, Dar Al-Qalam, Tt.

⁴⁸⁴ Yusuf Qardawi, *Al-Ijtihad Fi Al-Shariah Al-Islamiyyah Ma'a Nazarat Tahlibiyah Fi Al-Ijtihad Al-Mua'sir*, Kuwait : Dar Al-Qamm, Tt.

⁴⁸⁵ Ali Syariati, *On The Sociology Of Islam*, Terjem. Hamid Alqar, Berkeley : Mizan Press, 1979.

⁴⁸⁶ Mahmud Muhammad Taha, *The Second Messages Of Islam*, Terjem. Abdullah Ahmed Al-Naim, Syracuse : Syracuse University Press, 1987.

⁴⁸⁷ Hassan Hanafi, *Dirasah Al-Islamiyyah*, Kaherah : Maktabah Al-Misriyyah, 1981.

⁴⁸⁸ Nasr Hamid Abu Zayd, *Mafhum Al-Nass : Dirasah Fi Uluum Al-Quran*, Beirut : Markaz Al-Saqafi Al-'Arabi, 1994.

⁴⁸⁹ Muhammad Shahruh, *Al-Kitab Wa Al-Quran : Qira'ah Al-Mua'sirah*, Kaherah : Sina Lil Nasr, 1992.

⁴⁹⁰ Muhammad Abid Al-Jabiri, *Takwin Al-'Aql Al-'Arabi*, Beirut : Markaz Dirasah Al-Widah Al-'Arabiyyah, 1989.

ianya bakal menunjukkan tentang sifat kelewusan dan dinamisme yang terdapat di dalam pemikiran dan penyelidikan hukum Islam semasa.⁴⁹¹

Matlamat utama kaedah ini antara lainnya untuk mencapai beberapa perkara yang utama;

1. Membebaskan umat Islam daripada budaya Taqlid yang secara kuat telah mencengkam pemikiran umat Islam, sehingga menyebabkan terjadinya tragedi konflik berdarah sesama sendiri dan wujudnya kekosongan ilmu keislaman dalam bentuk jawapan terhadap persoalan kemanusiaan semasa.⁴⁹²
2. Meneruskan semangat ijihad (penyelidikan dan penjanaan daya fikir intelektual) yang dilihat telah menjadi asas utama kepada kejayaan pembangunan tamadun intelektual umat Islam silam.⁴⁹³
3. Meneruskan program pembangunan dan pengembangan metodologi keilmuan Islam, sebagai lanjutan kepada usaha pengilmuan yang dilakukan oleh sarjana Islam silam. Proses pengilmuan yang membabitkan penelitian ulangkaji terhadap kaedah dan teori silam dirasakan amat perlu bagi menjamin keutuhan perkembangan ilmu Islam untuk kontek zaman moden ini.⁴⁹⁴
4. Membersihkan Islam daripada segala nisbah keburukan yang sering dikaitkan dengan penindasan terhadap wanita. Walaupun dikatakan bahawa Islam telah mengangkat martabat wanita, tetapi secara realiti praktisnya ternyata masih wujud beberapa pandangan bias gender di dalam kupasan fuqaha silam yang perlu diulangkaji. Oleh sebab itu demi untuk menjaga kemurnian Islam, proses dekonstruksi ini amat perlu dilakukan dan seterusnya patut dikemukakan dengan teori baru yang lebih sejiwa dengan Islam.

Proses dekonstruksif terhadap warisan pemikiran Islam silam, mengikut kupasan para sarjana perlu menggunakan beberapa kaedah yang utama. Antaranya;

1. Analisis pensejarahan secara kritikal. Ianya perlu menggunakan dua metode yang khusus;
 - a. Meneliti secara kritikal terhadap tahap-tahap perkembangan pemikiran intelektual umat Islam di zaman silam yang dikatakan dapat dibahagikan kepada tiga zaman yang utama;⁴⁹⁵
 - Zaman klasik yang amat murni; zaman Rasulullah.
 - Zaman Taqlid-Sholastik ; berkembangnya fenomena Taqlid.
 - Zaman moden yang menyaksikan pertembungan dunia Islam dengan dominasi penguasaan dunia barat.
 - b. Meneliti secara analisis arkeologi ilmu (proses gali, kaji, tapis and ambil kesimpulan) umat Islam yang dapat dibahagikan kepada tiga tahap yang utama;⁴⁹⁶
 - Tahap lapisan tradisi yang murni (zaman Rasulullah) yang meletakkan atas *world-view* keilmuan Islam yang sebenar.
 - Tahap lapisan yang telah tercemar dengan unsur negatif daripada pengamalan budaya Taqlid sholastik (Logosentrisme).
 - Tahap lapisan yang tercemar diperkuuhkan dengan relasi kuasa politik, dikenali dengan Orthodoksi, yang biasanya sering menggunakan pendekatan yang menekan dan sering menggunakan kekerasan. Tahap ini juga menyaksikan produk pemikiran keagamaan yang dihasilkan melalui akal fikiran yang relatif sifatnya telah disakral dan cuba dianggap sebagai kebenaran mutlak yang tidak boleh dikaji secara kritikal oleh sarjana terkemudian.⁴⁹⁷

2. Pemakaian analisis kritikal yang perlu menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan;

⁴⁹¹ Wael Hallaq, *A History Of Islamic Legal Theory : An Introduction To Sunni Usul Al-Fiqh*, Cambridge : Cambridge University Press, 1997, Hlm 245-253.

⁴⁹² Maklumat Lanjut Boleh Didapati Dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Gerakan Tajdid Di Malaysia : Teori Dan Realiti ", Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, 1997, Hlm 102-103.

⁴⁹³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1997, Hlm 34-40.

⁴⁹⁴ Ibrahim Abu Rabi', " Issues In Contemporary Arab Thought : Cultural Decolonization And The Challenges Of The 21st Century ", Dalam *Intellectual Discourse*, V. 5, No. 2, 1997, Hlm 170-173; H.M. Amin Abdullah, " Paradigma Alternative Pengembangan Usul Al-Fiqh Dan Dampaknya Pada Fiqh Kontemporer ", Dalam Ed. Riyanto *Neo Usul Fiqh : Menuju Ijtihad Kontekstual*, Yogyakarta : Fakultas Syariah Press, 2004, Hlm 137-138

⁴⁹⁵ Ilyas Supena, *Dekonstruksi Dan Rekonstruksi Hukum Islam*, Yogyakarta : Gama Media, 2002, Hlm 80-96.

⁴⁹⁶ Ibid, Hlm 109-125.

⁴⁹⁷ Ibid, Hlm 93-96.

- Menganalisa secara kritikal terhadap kerangka epistemologi ilmu-ilmu Islam yang dibangunkan oleh sarjana Islam silam.⁴⁹⁸
 - Mendapat bantuan daripada ilmu moden seperti ilmu sains sosial dan S&T.⁴⁹⁹
 - Menggunakan pendekatan yang bebas daripada fanatik mazhab dan selecting borrowing dengan kaedah barat moden.
 - Membahagikan tradisi khazanah keilmuan Islam kepada dua jenis; Syariah dan Fiqh. Syariah adalah bersifat mutlak, suci dan tidak terikat dengan kontekstual (sesuai untuk sebarang masa, keadaan dan tempat). Manakala fiqh pula adalah terhasil daripada usaha penganalisaan akal dan terpengaruh dengan budaya masyarakat tempatan, bukan bersifat mutlak dan boleh dikritik- ulangkaji oleh sarjana terkemudian.⁵⁰⁰
3. Keperluan membangunkan semula bentuk paradigma dan pemikiran Islam dengan;
- menolak segala bentuk kelemahan dan kepincangan yang dihasilkan oleh warisan silam.
 - Tidak mengorbankan semua warisan silam yang murni, boleh dikatakan sebagai asas jati diri sesuatu bangsa.
 - Mengambilkira kepentingan kontekstual zaman moden dan reality tempatan.
 - Sikap selektif dengan semua bentuk paradigma pemikiran moden.

Konsep Masyarakat Berminda Kelas Pertama di Malaysia

Ianya merujuk kepada penggunaan akal fikiran yang bermutu tinggi. Dalam Islam, seseorang manusia itu terbentuk daripada tiga elemen yang utama, jasad, Ruh dan akal. Semuanya terkait dalam tiga domain yang utama; kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini boleh dikesan secara yang tersirat daripada gagasan Islam Hadhari yang terdiri daripada,⁵⁰¹

1. Rakyat yang berpegang kepada ajaran agama dan adat ketimuran. Ianya bertepatan dengan falsafah perrenialis yang dicirikan dengan;
 - Metafizika yang memperlihatkan kewujudan hakikat illahi dan ketuhanan di dalam segala sesuatu : kehidupan dan fikiran.
 - Suatu psikologi yang memperlihatkan adanya sesuatu dalam jiwa manusia yang berkaitan dengan elemen ketuhanan.
 - Etika yang memperjelaskan hakikat dan tujuan akhir kehidupan manusia yang mempunyai kaitan dengan elemen ketuhanan.
2. Rakyat yang berjiwa merdeka dan tinggi semangat patriotismenya.
 - Ingin mengekalkan nisbah merdeka – Proses pengekalan dan pengisian kemerdekaan ini perlu diisi bukan setakat dengan mewujudkan pembangunan untuk semua rakyat, termasuk juga dengan usaha dan tanggungjawab menghapuskan kemungkar dan kezaliman yang berlaku di dalam masyarakat⁵⁰².
 - Menjauhi sifat ataupun lawan kepada sifat merdeka; mentality tertawan.
 - Tinggi semangat patriotisme- dilihat dari segi⁵⁰³;
 - Rasa sayang dan cinta kepada tanah airnya sendiri.
 - Rasa bangga dengan tanah airnya.
 - Kesediaan untuk mempertahankan tanah airnya daripada ancaman dan serangan musuh samada musuh dalam ataupun luar.

⁴⁹⁸Ibid, Hlm 144-147.

⁴⁹⁹Ibid, Hlm 145-146.

⁵⁰⁰Ibid, Hlm 114-115.

⁵⁰¹Mohd Shauki Abd Majid, *Wacana Hadhari dalam Islam*, Kuala Lumpur : Anzagan, 2004. Buku ini merupakan antologi artikel tulisan Mohd Shauki Abd Majid yang diterbitkan dalam ruangan Islam Hadhari di dalam Akhbar Berita Harian.

⁵⁰²Abdul Rahman Haji Ismail, " Nasionalisme Melayu Dan Nasionalisme Melayu Setanah Melayu : Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya ", Dalam *Isu-Isu Pensejarahan (Esei Penghargaan Kepada Dr. S. Suntharalingam)*, Pulau Pinang : Penerbit Usm, 1995, Hlm 163-192

⁵⁰³Awang Had Salleh, " Patriotisme Dan Globalisme Dalam Konteks Pergerakan Bahasa Dan Sastera Kebangsaan ", Dalam (Edit) Abdul Latiff Abu Bakar. *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*, Kuala Lumpur : DBP, 2000, hlm 1-2

- Kesediaan untuk membela kepentingan negara apabila dicemuh dan dihina.

- Rakyat yang memahami bahawa sifat kemerdekaan itu bukannya bererti bebas melakukan apa sahaja sekehendak hatinya tanpa disertakan dengan tanggungjawab yang tertentu.⁵⁰⁴
- 3. Rakyat yang mengamalkan sikap selektif terhadap cabaran globalisasi.⁵⁰⁵
- 4. Rakyat yang mengamalkan kaedah pemikiran yang sihat, kritikal dan kreatif.⁵⁰⁶
- 5. Rakyat yang tinggi sifat integriti dirinya- jujur, amanah, bertanggungjawab dan pandai bersyukur.⁵⁰⁷
- 6. Rakyat yang mementingkan perpaduan dan kerukunan hidup dalam masyarakat.
- 7. Rakyat yang menentang semua elemen ekremism – merujuk kepada⁵⁰⁸:

 - Extremisme; melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan ataupun hukum secara ekstrem.
 - Chauvinisme; taksub apabila menganggap fikiran atau kumpulan sendiri adalah yang terbaik, manakala fikiran atau kumpulan lain tidak benar dan mesti ditolak.
 - Fanaticisme; tindakan membuta tuli (menghampiri psikosis) dalam mengikuti dan melaksanakan sesuatu cara, pendapat dan pendekatan sendiri tanpa mempedulikan bahkan menolak sekeras-kerasnya pendapat orang lain.

- 8. Rakyat yang mengamalkan budaya ilmu yang tinggi – merujuk kepada⁵⁰⁹:
 - sikap cintakan ilmu melebihi faktor kebendaan yang lain.
 - Pencapaian ilmu perlu dijelmakan dalam bentuk praktikal melalui akhlak yang mulia. Tidak ada gunanya, seseorang itu memperolihii pencapaian akademik yang tinggi seandainya tidak mempunyai akhlak yang mulia.
 - Neraca kebenaran untuk sesuatu ilmu perlu dinilai dari perspektif al-Quran dan Sunnah.
 - Proses pencapaian ilmu perlu dilakukan sepanjang hayat.
 - Pengamalan sikap hormat-kritis terhadap pandangan seseorang tokoh.
- 9. Rakyat yang memiliki proses penguasaan ilmu, dicirikan perlu mengandungi beberapa elemen yang utama;⁵¹⁰
 - Pemahaman tentang peri pentingnya peranan ilmu di dalam kehidupan manusia, yang perlu disertakan dengan usaha proaktif untuk mencapai dan memilikinya.
 - Kadar usaha pencarian ilmu (mental dan fizikal) yang terpaksa dikeluarkan, seperti kesungguhan, sabar dan ketekunan yang tinggi.
 - Kesan yang terhasil daripada usaha kerja keras pencarian ilmu , seperti teguh, cekap, kuat, tidak mudah kalah dan berpengaruh.
 - Keupayaan mengurus, memperkembang dan mempertahankan sesuatu perkara yang terhasil daripada usaha pencarian ilmu, seperti kewibawaan mengguna, menerap, memperelok dan mempengaruhi pihak lain dengan hasil ilmu yang dimiliki.

⁵⁰⁴ Abdul Rahman Aziz, *Pemugaran Semangat Patriotisme Untuk Pembangunan*, Sintok : Penerbit Uum, 2004, hlm 20-21.

⁵⁰⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Menangani cabaran Globalisasi : satu analisis terhadap pemikiran Reformis semasa ", Dalam (edit oleh Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti dan Che Zarrina sa'ari) *Pemikiran Islam dan cabaran semasa*, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, 2004, hlm 213-238.

⁵⁰⁶ Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Pemikiran reformasi Melayu semasa : satu analisis ", dalam (edit) Hashim Musa, *Bahasa dan pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : APMUM, 2005, hlm 332-265.

⁵⁰⁷ Siddiq Fadhil, " Jatidiri Dan Nilai-Nilai Budaya Dalam Pemikiran Melayu ", Dalam Edit Ahmad Mohamad Said *Pembangunan Watak Bangsa : Pemerksaan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*, Kajang : Akademi Kajian Ketamadunan, 2005, Hlm 40-42.

⁵⁰⁸ Hashim Musa, *Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : Penerbit Um, 2004, hlm 232

⁵⁰⁹ Wan Mohd Nor Wan Daud, " Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun ", Dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, V. 3, Bil. 1, 1990, hlm 51-67

⁵¹⁰ Mohd Yusof Othman, " Teknologi Maklumat : Harapan Dan Cabaran Di Alaf Baru ", Dalam (Edit) Sharifah Azizah Sahil Jamalullail *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi : Harapan, Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar : INSANIAH, 2001, hlm 34-35

Peranan Institusi Pendidikan di Malaysia di dalam Pembentukan Rakyat yang Mempunyai Minda Kelas Pertama: Satu Analisa Kelemahan

Merujuk khusus kepada realiti Institusi Pendidikan Di Malaysia semasa, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa usaha pembentukan rakyat yang berminda kelas pertama masih menemui jalan buntu ataupun ianya separuh gagal. Hal ini boleh diperjelaskan dengan timbulnya beberapa isu yang utama, antaranya;

(1) Elemen Kelemahan Mahasiswa Di IPTA/IPTS.

Dalam kajian yang dijalankan terhadap mutu pencapaian akademik pelajar bumiputera di beberapa IPTA/IPTS di Malaysia, ternyata sekali sindrom malas ini memang berkembang dengan begitu meluas di kalangan pelajar bumiputera.⁵¹¹ Dapatkan kajian ini mendapati kegagalan dan kelemahan mutu pencapaian akademik ini timbul akibat daripada wujudnya budaya malas di kalangan pelajar yang boleh diklasifikasikan kepada empat jenis yang utama;⁵¹²

1. Pelajar yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum dan aktiviti kebudayaan sehingga melupakan kepentingan untuk membahagikan masa yang sesuai untuk sesuatu program pengajian.
2. Pelajar yang terpengaruh dengan budaya santai dan lepak dan mengabaikan tugas sebagai pelajar.
3. Pelajar miskin yang terpaksa berkerja secara sambilan sehingga menyebabkan mereka gagal menumpukan perhatian kepada pembelajaran.
4. Pelajar daripada keluarga yang kaya yang menghidap penyakit mewah dan malas yang merasakan diri mereka selamat (sense of security) disebabkan oleh status bumiputera yang kononnya pasti akan diutamakan oleh pihak kerajaan berbanding dengan golongan bukan bumiputera.

(2) Fenomena Negative Globalisasi – Usaha Meminggirkan Subjek Keagamaan Dan Pengajian Melayu

Dewasa ini, disebabkan kerana peristiwa 11 September yang diburukkan lagi dengan pelbagai perkembangan lain yang menyaksikan umat Islam diserang secara fizikal dan mental oleh kuasa barat, secara tidak langsung kalangan masyarakat dunia amnya dan masyarakat majmuk di Malaysia khususnya telah memandang Islam dan umatnya secara negative, yang dinisbahkan dengan pelbagai gelaran buruk yang boleh menjelaskan kerukunan hidup manusia serta membantutkan proses pemodenan yang sedang pesat dijalankan.⁵¹³

Dalam perkembangan semasa yang menyaksikan pengaruh dan asakan fenomena globalisasi, kita dapat mengesan kewujudan beberapa *tren negative* yang cuba memperkecilkan sumbangan dan peranan yang boleh diberikan oleh disiplin Pengajian Melayu dan Islam, terangkum di dalam disiplin Sains social berbanding dengan disiplin pengajian lain. Untuk memperjelaskan kenyataan ini, kita boleh mengemukakan beberapa kupasan yang diberikan oleh sarjana Malaysia semasa;

1. Pandangan tokoh pendidikan Saedah Siraj yang menempelak kerakusan kalangan perancang (*policy maker*) program pendidikan yang lebih mengutamakan pembangunan kurikulum ke arah mewujudkan golongan pelajar yang celek IT dan teknokrat yang mahir dalam sektor ekonomi semata-mata dan mengabaikan proses melahirkan golongan pelajar yang dapat bertindak sebagai pemikir dan intelektual masyarakat. Berbanding dengan golongan pertama, golongan pemikir ini boleh dikatakan lebih penting demi untuk menjayakan program pembangunan masyarakat madani di Malaysia,⁵¹⁴ ataupun bakal menawarkan kaedah terbaik bagi memperbetulkan elemen negatif yang mungkin timbul akibat daripada proses pemodenan dan perindustrian yang sedang giat dijalankan di Malaysia.⁵¹⁵

⁵¹¹ Nordin Kardi, " Melayu Dan Islam Dalam Konteks Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi ", Dalam Edit Oleh Suzalie Mohamad *Anjakan Minda Belia Islam*, Kuala Lumpur : Ikim, 2002, Hlm 29-34.

⁵¹² Abdul Latif Samian; " Mengatasi Kelayuan Mahasiswa ", Dalam *Pemikir*, Julai- September 2003, Hlm 76-80.

⁵¹³ Maklumat Lanjut Boleh Didapati Dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Pemikiran Reformis Melayu Semasa : Suatu Analisis ", Dalam (Edit oleh Hashim Musa) *Bahasa Dan Pemikiran Melayu Menanggan Cabaran Alaf Baru*, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2003.

⁵¹⁴ Saedah Siraj, *Perkembangan Kurikulum : Teori Dan Amalan*, Sungai Buloh, 2001, Hlm 15-19.

⁵¹⁵ Maklumat Lanjut Tentang Elemen Negatif Yang Biasanya Timbul Akibat Proses Perindustrian Yang Tidak Terancang Boleh Didapati Dalam Abdul Rahman Aziz, *Sosiologi Industri : Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur, 1995, Hlm 26-27 Dan 32-34.

2. Sebagai akibat daripada keghairahan pihak kerajaan di tahun 1970an untuk memajukan program pembangunan Malaysia berasaskan kepada falsafah materialism-rasionalisme-saintifik barat⁵¹⁶, yang dikenali dengan program Revolusi Mental⁵¹⁷, penekanan utama telah diberikan kepada subjek sains di dalam institusi pendidikan.⁵¹⁸ Hal ini dikatakan sebagai; “*anak-anak Melayu yang dianggap cerdik di peringkat sekolah ditapis dan disalurkan agar menjurus ke bidang sains semata-mata. Program menghantar anak Melayu ke luar negara dalam pelbagai bidang sains dan teknologi dipertingkatkan ke tahap maksimum. Menjelang akhir tahun 1970an dan awal 1980an, program ini telah berjaya melahirkan satu masyarakat Melayu yang cekik sains atau mempunyai kesedaran sains yang tinggi.*”⁵¹⁹

Ironisnya, penekanan yang berlebihan kepada subjek S&T telah melahirkan beberapa tren yang agak mendukacita, seperti;

- Sikap yang menerima paket S&T ala barat yang diresapi dengan fahaman sekularisme tanpa ditapis menggunakan kerangka S&T Islam⁵²⁰ untuk jangka masa yang panjang telah mencetuskan krisis intelektual dan ekologi yang meruncing di Malaysia.⁵²¹
- Kelas profesional Melayu baru yang dilahirkan melalui dasar pemodenan dan DEB ini tidak menunjukkan paradigma pemikiran yang bersifat rasionalisme, objektivisme dan saintisme seperti yang diharapkan. Hal ini boleh dirujuk kepada sikap dan tren golongan ini yang dilaporkan telah terjebak dalam krisis mempercayai bomoh,⁵²² ajaran sesat, kepercayaan occult⁵²³ dan sebagainya, yang biasanya dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisional.
- Kelas profesional Melayu baru yang kononnya dilahirkan dengan dasar Penswastaan Malaysia telah terlibat dalam jumlah yang besar di dalam krisis pecah amanah, rasuah dan pelbagai kesalahan jenayah perdagangan.⁵²⁴

Dalam perkembangan semasa, tren negative ini yang memperkecilkan graduan Pengajian Melayu dan Islam boleh dilihat daripada penurunan status UM, yang dibuat oleh THES- dikatakan antara lainnya berpunca daripada;⁵²⁵

1. sikap negatif (tidak puas hati) yang ditunjukkan oleh sector pasaran pekerjaan luar (awam dan swasta) terhadap graduan aliran Sains Sosial UM. Ianya merujuk kepada kelemahan graduan UM berkominikasi menggunakan bahasa Inggeris dengan baik.
2. Kurangnya nisbah pengambilan pelajar asing di UM.
3. Kurangnya nisbah pengambilan kakitangan akademik daripada luar, khususnya daripada barat.

Selanjutnya, tanpa disedari nisbah buruk ini turut mempengaruhi sebahagian besar masyarakat awam di Malaysia yang dilanjutkan kepada NGO dan mahasiswa pengajian Melayu-Islam. Justeru itu, ulamak dan mahasiswa pengajian Melayu-Islam sering dijadikan sebagai kambing hitam⁵²⁶ oleh sesetengah kalangan massa yang memang alergik dengan semangat Islam,⁵²⁷ seandainya terjadi

⁵¹⁶ Muhammad Syukri Salleh, “Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan : Analisis Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam”, Dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang, 1990, Hlm 32-35.

⁵¹⁷ Shaharuddin Maaruf, *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd, 1993, Hlm 99-115.

⁵¹⁸ Mohd Zuhdi Marsuki, “Pengajian Sains, Teknologi Dan Masyarakat: Pendekatan Bersepadu Ke Arah Wawasan 2020, “Dalam *Pengajian Umum Di Alaf Baru*, Bangi : Pusat Pengajian Umum, Ukm, 2000, Hlm 283-287.

⁵¹⁹ Hairudin Harun, *Kosmologi Melayu Dalam Era Teknologi Maklumat; Antara Akal Budi Melayu Dengan Budaya Fikir Digital*, Kuala Lumpur : DBP, 2001, Hlm 50-51.

⁵²⁰ Ibid, Hlm 53-54.

⁵²¹ Muhammad Kamal Hasan *Dalam Intellectual Discourse At The End Of The Second Millennium : Concerns Of A Muslim-Malay Ceo*, Kuala Lumpur : Iium, 2001, Hlm 113-116.

⁵²² Lihat Sebagai Contohnya *The New Straits Times*, 15 Disember 1996.

⁵²³ Hairudin Harun, *Kosmologi Melayu Dalam Era*, Hlm 55-56.

⁵²⁴ Muhammad Kamal Hasan, *Toward Actualizing Islamic Ethical And Educational Principles In Malaysia*, Kuala Lumpur : ABIM, 1996, Hlm 233-252.

⁵²⁵ Lihat *Berita Minggu*, 15 Oktober 2006.

⁵²⁶ Azyurmardi Azra, *Pendidikan Islam : Tradisi Dan Modernisasi Menuju Milenium Baru*, Jakarta : Logos Wacana Ilmu, 1999, Hlm 65-66.

⁵²⁷ Sidek Fadzil, “Minda Muslim : Ketegaran Dan Keluwesannya”, Dalam *Persidangan Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, Pada 29-31 Januari 2002, Hlm 1.

kegagalan sesuatu program pembangunan yang dirancangkan. Mengikut hemat kita, tindakan ini perlu dihentikan berasaskan kepada beberapa perkara yang utama;

1. Tindakan ini bakal merugikan kita sendiri kerana agama Islam itu boleh dianggap sebagai sumber asas jati diri yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu sejak sekian lama lagi.⁵²⁸
2. Sejak kebelakangan ini iaitu dalam era tahun 1980-2000an yang dikatakan sebagai era kebangkitan kesedaran Islam di kalangan masyarakat Melayu, telah berlaku pertambahan pesat anak-anak Melayu yang mengambil pengkhususan di bidang pengajian Islam di IPTA dan IPTS.⁵²⁹ Kalangan ini tanpa disedari bakal menjadi asset berharga yang diperlukan untuk menjayakan proses pembangunan Negara.
3. Berbanding dengan sindrom keruntuhan akhlak dan kelemahan pencapaian akademik yang dihidapi oleh mahasiswa bukan aliran pengajian Islam,⁵³⁰ hal ini tidak dikesan ataupun ágak minimum pada mahasiswa pengajian Islam semasa. Sebaliknya, berasaskan kepada fakta yang didapati melalui pencapaian keputusan peperiksaan di peringkat universiti, rata-rata mahasiswa pengajian Islam dikesan telah memperolehi pencapaian PGNK yang amat cemerlang sekali. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa hal ini terhasil akibat daripada amalan penekanan IPTA/IPTS aliran Islam konvensional terhadap gabungan yang seimbang di antara ilmu, keterampilan diri, kemahiran social dan pemikiran kritis.⁵³¹ Kesemua ini untuk jangka masa panjangnya bakal menjadi asset berguna untuk menimbulkan kesejahteraan masyarakat Malaysia.

(3) Isu penkorporatan IPTA dan perubahan peranan institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Agenda Globalisasi telah mengurangkan kawalan pihak kerajaan terhadap institusi universiti yang menyebabkan kebanyakan IPTA berusaha menjadikan diri mereka seperti kilang yang menghasilkan graduan yang kononnya kompeten untuk kehendak pasaran semasa.⁵³² Pertukaran matlamat universiti ini, seperti mana ditegaskan dalam pendidikan klasik barat dan Islam, daripada “*sebagai sumber untuk pembinaan peradaban, memperkuatkan unsur kemanusiaan melalui pembentukan peribadi dan intelek yang mampu melihat, memahami dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan pergolakan masyarakat semasanya*”⁵³³ kepada suatu falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (economism)⁵³⁴ berasaskan model korporat dunia perdagangan telah mencalarkan peranan universiti sebagai institusi sosial yang memupuk budaya intelektual dan pemikiran yang baru, bebas lagi kritis. Hasilnya, lulusan daripada universiti yang menggunakan falsafah ini akan melahirkan lulusan yang berbentuk *careerist*, yang tertumpu hanya kepada soal kerjaya semata-mata dan tidak mempedulikan soal penggunaan daya intelektualnya untuk kesejahteraan masyarakat.

Untuk memperincikan pengaruh negative ini, kita boleh merujuk kepada beberapa isu yang utama;

1. Pandangan yang mengkritik kecenderungan sesetengah institusi pendidikan tinggi yang terlalu terikut-ikut dengan gesaan pengkorpartan IPTA bagi menghadapi cabaran globalisasi. Bagi Wan Mohd Nor Wan Daud, pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-

⁵²⁸ Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur : APMUM, 2001, Hlm 27-40.

⁵²⁹ Lihat Marzuki Haji Mahmood, “Keberkesanan Dan Sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Islam”, Dalam Edit. Oleh Suzalie Mohamed, *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Ikim, 2003, Hlm 179-186.

⁵³⁰ Nordin Kardi, “Melayu Dan Islam Dalam Konteks Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi”, Dalam Edit Oleh Suzalie Mohamad *Anjakan Minda Belia Islam*, Kuala Lumpur : Ikim, 2002, Hlm 29-34.

⁵³¹ Maklumat Lanjut Boleh Didapati Dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim Dan Idris Awang “Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia : Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM.” Dalam Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM - Pada 21hb. Oktober 2003.

⁵³² Muhammad Kamal Hasan Dalam *Intellectual Discourse At The End Of The Second Millennium : Concerns Of A Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur : UIAM, 2001, Hlm 66-67

⁵³³ Noraini Othman, “Globalisasi, Pendidikan Dan Moderniti Di Malaysia”, Dalam *Malaysia Menanggani Globalisasi : Peserta Atau Mangsa*, UKM Bangi, 2000, Hlm 145.

⁵³⁴ Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy And Practice Of Syed Muhammad Naquib Al-Attas ; An Exposition Of The Original Concept Of Islamization*, Kuala Lumpur : ISTAC, 1998, Hlm 230.

ilmu agama, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden. Bahkan terdapat semacam kecenderungan yang menganggap kelangsungan keilmuan dan kesedaran agama sebagai membazirkan sumber kewangan negara.⁵³⁵

2. Perubahan pola hubungan antara guru-murid. Peranan guru sebagai sumber pengetahuan dan pendidik (untuk penerapan nilai-nilai akhlak yang murni) dapat ataupun cuba diganti dengan penggunaan ICT moden. (Virtual studies)⁵³⁶ Ringkasnya, tugas guru mula tercabar dengan arus virtual studies ini.⁵³⁷ Hal ini antara lainnya telah menimbulkan rasa kurang hormat pelajar terhadap seseorang guru⁵³⁸ ataupun merendahkan peranan guru untuk menerapkan pendidikan moral (spiritual touch) kepada pelajar.⁵³⁹ Sikap yang terlalu mengagungkan pendekatan E-learning (terlalu bergantung kepada komputer di dalam pengajaran semua bentuk keilmuan moden) bakal mencacatkan peranan pendidikan insan yang sepatutnya dimainkan oleh seseorang pendidik. Apa yang jelasnya, secanggih manapun sesebuah komputer itu, ianya mustahil untuk memainkan fungsi spiritual touch yang boleh membentuk kesedaran akhlak kepada seseorang pelajar.⁵⁴⁰
3. Pendekatan yang terikut dengan agenda penkorporatan IPTA telah memankinkan lagi proses penaklukan budaya barat di dalam sistem pengurusan IPTA di Malaysia. Hal ini boleh dirujuk daripada keghairahan melulu IPTA yang memaksakan pemakaian bahasa Inggeris sebagai medium utama pembelajaran, kononnya hal ini bakal menjadikan IPTA terabit meningkat status penarafannya di peringkat antarabangsa. Lebih tepat lagi, usaha menjadikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di peringkat IPTA bakal menyebabkan keunggulan bahasa tempatan seperti bahasa Melayu akan terjejas teruk. Dalam hal ini, Hashim Musa telah memperincikan elemen keburukan yang bakal timbul dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di peringkat antarabangsa dan sistem pendidikan IPTA/IPTS, sebagai;⁵⁴¹
 - Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya mengeneplikan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tidak lagi dihormati oleh rakyat jelata.
 - Proses pengintelektulan bahasa Melayu akan terbantu kerana tidak lagi digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden.
 - Peranan Bahasa Melayu sebagai perpaduan di Malaysia akan terjejas.
 - Penggunaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di Bandar besar, sedangkan majority rakyat yang tinggal di kawasan pendalaman yang masih lemah menggunakan bahasa Inggeris akan tetap sama, yang menyebabkan jurang yang luas dalam soal ini akan menjadi semakin melebar.

Namun begitu, ini bukanlah bermakna kita tidak boleh mempelajari dan memusuhi bahasa Inggeris secara fanatic, tetapi apa yang perlu ditekankan adalah kita janganlah begitu taasub dengan keunggulan bahasa Inggeris sehingga melupakan sama sekali keunggulan yang

⁵³⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan Di Malaysia : Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur : Istac, 2001, Hlm 16.

⁵³⁶ Nik Salida Suhaila Bt Nik Saleh & Syahirah Bt Abdul Shukor, "E-Learning In Islamic Studies: Possibilities And Challenges In Malaysia", Dalam Prosiding Islam : Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts, Anjuran Bersama Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Ukm Dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Pada 7-9hb. Disember 2004.

⁵³⁷ Norsaidatul Akmar Mazelan Dan Mohd. Fauzan Noordin, "Manpower And Training Issues In Relation To The Development Of The Multimedia Super Corridor", Dalam (Ed.) Oleh Abu Bakar Abdul Majeed, *Multimedia Dan Islam*, Kuala Lumpur : Ikim, 1999, Hlm 175-192.

⁵³⁸ Hal Ini Turut Menyebabkan Masalah Stress Yang Tinggi Dikalangan Guru, Lihat M. Smith Dan S. Bourke, *Teacher Stress: Examining A Model Based On Context, Workload And Satisfaction*, Dalam Teaching And Teacher Education, V. 8, 1992, Hlm 31-46.

⁵³⁹ H. Abuddin Nata, *Perspektif Islam Tentang Pola Hubungan Guru-Murid : Studi Pemikiran Tasawuf Al-Ghazali*, Jakarta : Pt Rajagrafindo Persada, 2001, Hlm 5-8.

⁵⁴⁰ Ibid, Hlm 23-40.

⁵⁴¹ Hashim Musa, *Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : Penerbit Um, 2004, Hlm 166-168

dimiliki oleh bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini telah ditegaskan secara langsung oleh Perdana Menteri semasa merasmikan Hari Kerjaya UKM pada 5 Februari 2001 dengan katanya⁵⁴²;

Kita harus terima hakikat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan perniagaan dunia pada masa kini dan dipercayai merupakan bahasa utama dunia untuk jangka masa yang panjang. Di samping itu bahasa Inggeris juga merupakan bahasa Internet sehingga lebih 80 peratus daripada kandungan cyberspace yang penuh dengan segala jenis maklumat itu adalah bahasa Inggeris. Maka kalau kita hendak bersaing dengan jayanya dalam dunia global ini kita tidak boleh lari dari penguasaannya.

Syed Hussien al-Attas juga bersepakat dengan kenyataan perdana Menteri ini menyebut; “mereka yang hanya tahu bahasa ibunda dan tidak tahu bahasa Inggeris pada zaman ini akan hidup dalam dunia pengetahuan yang tertutup dan tidak maju. Malah kehidupan sehari-hari juga akan terjejas.”⁵⁴³

(4) Isu Polarisasi Kaum di IPTA/IPTS

Bertentangan sama sekali dengan hasrat dan program integrasi kaum yang cuba diterapkan oleh pihak kerajaan di IPTA/IPTS, kita mendapati program ini telah gagal berfungsi seperti mana dicita-citakan. Fenomena polarisasi kaum ini masih lagi berkembang dengan cukup meluas di Malaysia, khususnya membabitkan PTS yang rata-ratanya lebih suka berkiblat kepada kerangka pendidikan liberalisme barat- menganggap semua warganegara Malaysia sebagai sama serta menolak sama sekali status keistimewaan kaum bumiputera.

Mengikut Candra Muzaffar,⁵⁴⁴ keburukan daripada isu polarisasi kaum ini boleh dikesan daripada sikap negatif yang diamalkan oleh bangsa bukan Melayu dan bangsa Melayu itu sendiri. Di kalangan bangsa bukan Melayu, beliau mengariskan empat sebab yang utama;

1. Sikap yang negatif terhadap bahasa Melayu. Mereka boleh bertutur bahasa Melayu tetapi ianya lebih bersifat *functional* hanya untuk tujuan keperluan pendidikan, pekerjaan dan urusan rasmi dengan kerajaan. Mereka tidak benar-benar menghayati bahasa Melayu sebagai pengguna bahasa yang kompeten. Di rumah, di pasar, bersama dengan rakan-rakan, mereka masih menggunakan bahasa kaum mereka.
2. Walaupun bangsa bukan Melayu sudah lama tinggal di Malaysia, tetapi mereka kurang empati dengan sejarah dan latar belakang sejarah Negara ini.
3. Sikap mereka yang hanya mementingkan kaum sendiri dan tidak bersimpati dengan kaum lain.
4. Terdapat sesetengah kalangan golongan bukan Melayu yang menunjukkan sikap yang menghalang pertumbuhan nilai-nilai murni yang boleh membantu proses pembinaan bangsa Malaysia.

Manakala bagi bangsa Melayu pula, beliau mengenalpasti beberapa tren yang utama seperti;

1. Mereka masih ragu-ragu dengan kejujuran dan kesetiaan sebahagian orang bukan Melayu terhadap Negara ini.
2. Mereka tidak bersimpati dengan penderitaan dan kesengsaraan yang dialami oleh bangsa bukan Melayu.
3. Mereka enggan menerima kepelbagaian bahasa, budaya dan agama yang wujud di Malaysia kini sebagai satu asset yang berharga yang boleh membantu pembinaan bangsa Malaysia.
4. Mereka tetap berpegang kepada stereotaip dan prejudis tertentu terhadap golongan bukan Melayu. Pada pandangan orang Melayu, keseluruhan orang Cina adalah bersifat tamak, mementingkan diri dan suka menggunakan kesempatan untuk memperdaya orang Melayu. Mereka juga memandang negatif terhadap orang India.

⁵⁴² Mohd Yahya Mohd Ariffin, “Peranan Media Dan Kominikasi”, Dalam (Edit) Abdul Razaq Ahmad, *Mahasiswa Abad 21*, Bangi : Penerbit Ukm, 2005, Hlm 172-173

⁵⁴³ Mingguan Malaysia, 1 Julai 2001.

⁵⁴⁴ Chandra Muzafar, “Cabaran Membina Bangsa Malaysia”, Dalam (Edit) Abdul Razaq Haji Omar, *Pembentukan Bangsa Malaysia*, Kuala Lumpur : Yayasan Nurul Yaqeen, 1996, Hlm 37-41.

Sebagai cara untuk mengatasi masalah ini, beliau mencadangkan beberapa cadangan yang utama;

- Penggunaan bahasa Melayu harus dipertingkatkan dalam sector awam dan swasta.
- Institusi pendidikan harus memberikan penekanan kepada subjek sejarah latar belakang Negara Malaysia supaya setiap pelajar sedar tentang evolusi masyarakat berbilang kaum dan akar umbi sistem politik tradisional Melayu.
- Keadilan social perlu dijadikan asas pembinaan bangsa Malaysia.
- Keadilan social yang tulus hanya boleh wujud dalam satu sistem ekonomi yang tidak didorong oleh sifat kapitalisme yang ganas.
- Sistem budaya harus membuktikan keupayaan menerima kepelbagaian sebagai unsur hidup.
- Kerajaan, media, sistem pendidikan, sistem kekeluargaan, kumpulan agama dan semua badan social harus berusaha untuk menghapuskan stereotaip di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

(5) Politik Kepartian dan Campurtangan Pihak HEP

Sikap skeptic dan memandang serong terhadap mahasiswa pengajian Islam , yang rata-ratanya diketahui umum datang daripada kalangan pentadbir dan pensyarah IPTA sendiri dikesan yang terlibat dengan politik kampus demi untuk mencapai kepentingan diri sendiri. Golongan ini yang sepatutnya bertindak sebagai pentadbir dan pendidik kepada mahasiswa dari segi keilmuan dan kemahiran social,⁵⁴⁵ sebaliknya telah bertindak semacam batu api utama yang merancang timbulnya public opinion masyarakat yang memburukkan mahasiswa pengajian Islam. Apa yang menyediakan, tindakan ini secara langsung bakal mempengaruhi masyarakat awam di luar kampus, termasuklah sektor awam dan swasta kononnya mahasiswa pengajian Islam kurang bermutu, suka melawan pihak berwajib tanpa alasan yang munasabah dan mendokong idealism parti pembangkang.

Dakwaan negatif ini yang tersebar secara meluas di dalam masyarakat luar kampus, dan ditambah pula dengan penurunan taraf IPTA tempatan (UM) oleh THES, secara langsung dikatakan telah menyebabkan graduan pengajian Melayu-Islam terjebak dalam pengangguran yang cukup serius. Kita boleh mencabar kesahihan dakwaan ini berdasarkan kepada beberapa perkara;

1. Ianya bertentangan dengan dapatan kajian ilmiah semasa yang dilakukan oleh beberapa orang sarjana tempatan yang secara terang-terangan menunjukkan graduan sains social, termasuklah graduan pengajian Melayu dan Islam masih lagi relevan dan dihargai oleh sektor pasaran kerja luar.⁵⁴⁶ Tinggal lagi, graduan ini yang memang mempunyai semangat jati diri Melayu-Islam yang cukup tinggi perlu diperkasakan lagi dengan pelbagai keilmuan moden.⁵⁴⁷
2. Ianya tidak bersifat konstruktif yang sering mengaitkan isu pengangguran dengan kelemahan system pengajian sesuatu IPTA/IPTS. Mengikut Mohd Zaini Ujang, kita patut mencadangkan agar kalangan masyarakat awam, lebih-lebih lagi sektor swasta perlu bersikap lebih terbuka, simpati dan patut meniru apa yang telah dijalankan oleh sektor swasta di Jepun. Sektor swasta di Jepun memaklumi bahawa tempoh pendidikan di IPTA/IPTS yang singkat (selama empat tahun) tidak mungkin mampu membekalkan tenaga kerja mahir yang sempurna. IPTA/IPTS dilihat hanya berperanan untuk mendidik mahasiswanya dengan bersifat universal man dan mampu bertindak sebagai warganegara dan pekerja yang amanah. Hasilnya, sektor swasta telah memainkan peranan melatih graduan IPTA/IPTS ini dengan segala kemahiran yang diperlukan oleh sektor swasta semasa.⁵⁴⁸ Pendekatan ini jika diamalkan oleh sektor swasta di Malaysia pasti akan menyelesaikan masalah pengangguran graduan yang agak meruncing pada masa sekarang.

⁵⁴⁵ Lihat Sebagai Contohnya Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Dinamika System Pendidikan Tinggi*, Skudai : Penerbit Utm, 2004, Hlm 116-126.

⁵⁴⁶ Muhammad Syukri Salleh, " Prospek Kerjaya Graduan Pengurusan Islam Di Malaysia ", Dalam (Edit Oleh Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah) *Pengurusan Islam : Konsep Dan Amalannya Di Malaysia*, Sintok : Penerbit Uum, 2002, Hlm 53-76; Nor Aini Ali, Azizi Che Seman Dan Mohd. Yahya Mohd Hussin, " Kajian Guna Tenaga Sarjana Muda Syariah Dan Usuluddin (1996-2002) "- *Vote F F0378/2003b, Apium*.

⁵⁴⁷ Rahimin Affandi Abd. Rahim " Graduan Pengajian Islam World Class : Satu Analisis ", Dalam *Jurnal Yadim*, Bil. 6, 2005, Hlm 173-194.

⁵⁴⁸ Zaini Ujang, *Universiti : Mendukung Tradisi Intelektual*, Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar, 1993, Hlm 101-104.

PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN MELAYU-ISLAM DI DALAM PEMBENTUKAN PELAJAR YANG MEMPUNYAI MINDA KELAS PERTAMA DI MALAYSIA : SATU PANDANGAN ALTERNATIF

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa semua komponen asas (aspek kognitif, psikomotor dan afektif) yang diperlukan untuk proses pembentukan masyarakat berminda kelas pertama memang boleh dipikul oleh disiplin sains social dan kemanusiaan. Atas dasar inilah disiplin Pengajian Umum yang mengandungi cirri-ciri falsafah, moral, tamadun dan keagamaan telah diterapkan kepada pelajar di dalam bidang S&T, bagi memperlengkapkan proses pendidikan yang melahirkan mahasiswa yang kompeten dari segi akhlak dan kemahiran moden.⁵⁴⁹

Merujuk khusus kepada peranan Institusi Pendidikan Melayu-Islam, beberapa langkah boleh dicadangkan, antaranya;

(1) Penekanan kepada komponen pembentukan sistem akhlak yang mulia.

Hal ini secara langsung boleh diperolehi dengan beberapa langkah yang utama yang perlu dimainkan oleh Institusi Pendidikan Melayu-Islam ;

- 1) Kepentingan mengali intipati dan kandungan warisan karya ulama Melayu-Islam silam melalui penyelidikan ilmiah yang betul.⁵⁵⁰ Hasil dapatan kajian ini kemudian perlu dihidupkan secara fungsional bagi menyelesaikan masalah masyarakat semasa. Seperti mana ditegaskan oleh Osman Bakar, masyarakat Melayu silam melalui karya moral ulama Melayu-Islam memang mempunyai formula yang cukup tuntas bagi menghadapi isu polarisasi kaum di Malaysia. Hal ini mula disedari oleh masyarakat Barat yang dilihat telah berhadapan dengan permasalahan perkauman yang cukup kronik.⁵⁵¹
- 2) Kepentingan memperkenalkan subjek warisan budaya ulama Melayu-Islam silam seperti syair, pantun, Guridam, perpatah dan sebagainya untuk pengajian moral di Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesemua hasil seni masyarakat Melayu ini penuh dengan unsure-unsur kesenian, nasihat dan sistem nilai yang terbaik. Bukan setakat itu sahaja, terdapat kajian emperikal yang membuktikan bagaimana elemen sains dan Teknologi juga terdapat di dalam hasil seni ini.⁵⁵²
- 3) Kepentingan memperincikan sistem nilai ataupun adab Melayu-Islam yang boleh dipakai untuk konteks zaman moden ini. Mengikut kajian Hashim Musa yang dibuat terhadap karya Raja Ali Haji, terdapat 9 kaedah penyemaian adab dalam masyarakat Melayu, yang dirasakan masih relevan lagi pada masa sekarang. Ianya terdiri dari;⁵⁵³
 - Adab kepada Allah.
 - Adab orang berilmu.
 - Adab menuntut ilmu.
 - Adab dengan ibubapa
 - Adab dengan ahli keluarga.
 - Adab dengan sanak saudara dan sahabat handai.
 - Adab pada orang yang dikenali.
 - Adab pembesar negeri yang hamper dengan raja.
 - Adab dalam pergaulan.

Apa yang jelasnya, kesemua adab-adab ini telah diperincikan dengan cukup detail oleh Raja Ali Haji, bagi tujuan memudahkan masyarakat Melayu silam memahami dan mengamalkannya di dalam

⁵⁴⁹ Ahmad Shukri Mohd. Naim, *Konsep, Teori, Dimensi Dan Isu Pembangunan*, Skudai : Penerbit UTM, 2003, Hlm 240-246.

⁵⁵⁰ Sebagai Contohnya Lihat Kim Keum Hyun, *Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Kes Di Negeri Terengganu*, Tesis Sarjana Untuk Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995.

⁵⁵¹ Osman Bakar (2003), " Globalisasi Dan Peradaban ", Dalam A. Aziz Deraman *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur : DBP, Hlm. 33-38.

⁵⁵² Lihat Sebagai Contohnya Ithnin Abdul Jalil, " Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa ", Dalam Edit Yaacob Haron *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur : APMUM, 2001, Hlm 452-469.

⁵⁵³ Hashim Musa, *Falsafah, Logic, Teeori Nilai Dan Etika Melayu : Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur : APM, 2001, hlm 81-92.

kehidupan seharian. Kepentingan hal ini amat ketara sekali pada zaman sekarang, memandangkan sesetengah kalangan masyarakat khususnya generasi muda, pemimpin dan keluarga yang dikesan telah mula dihadapi sindrom kehilangan adab, yang menyebabkan segala bentuk hubungan dan proses interaksi di antara hiraku masyarakat menjadi keliru.⁵⁵⁴ Seterusnya hal ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial, politik dan ekonomi yang agak kronik.

Sebagai contoh untuk memperlihatkan gejala kehilangan adab di antara anak-anak dengan ibubapa, kita boleh merujuk kepada beberapa dapatan kajian emperikal semasa yang amat menakutkan sekali, seperti;

- Kebanyakan masyarakat Melayu moden telah dikesan mengidap penyakit psikologi yang agak kronik, penyakit gelisah dan hilang pertimbangan akal yang kemudiannya telah menyebabkan berlaku pelbagai tindakan buruk seperti bunuh diri, menagih dadah dan arak, murtad, bohsia dan mengamalkan free-sex. Kajian ini mendapat punca utama penyakit gelisah ini berlaku adalah akibat dari tindakan tidak menuruti kehendak agama seperti meninggalkan kewajiban sembahyang lima waktu.⁵⁵⁵
 - Golongan remaja Melayu yang menjadi pengguna terbesar internet (cyber Café) telah dijangkiti ketagihan internet yang agak teruk (Cyber mania). Kalangan ini didapati menggunakan saluran internet bukannya untuk tujuan pendidikan, tetapi sebagai sumber untuk mendapatkan hiburan yang lebih bebas tanpa kongkongan keluarga, yang berupa permainan video games, pornografi, berkenalan (Cit-cat) dan mengisi masa lapang dengan kegiatan yang tidak berfaedah.⁵⁵⁶
 - Kajian yang mendapat bahawa ikatan dan fungsi keluarga Melayu moden sebagai penjaga dan pendidik emosi anak-anak telah mula terhakis yang kemudiannya menyebabkan pelbagai masalah sosial remaja yang cukup kronik. Berikut dengan faktor asas ini, golongan remaja Melayu lebih terpengaruh dengan budaya di luar keluarga seperti media massa dan rakan sebaya.⁵⁵⁷ Akibat daripada pengaruh media massa, mereka lebih mudah terjerumus dengan hiburan yang mementingkan keseronokan yang melampaui batas, sensasi, glamour dan sindrom kurang tahan iman.⁵⁵⁸ Manakala pengaruh rakan sebaya pula menyebabkan mereka terlibat dengan budaya melepak dan pelbagai masalah sosial lain seperti ketagihan dadah, arak, berjudi, menonton video lucu, free-sex, dijangkiti penyakit AIDS⁵⁵⁹ dan banyak lagi masalah lain.
- 4) Keperluan menerapkan sistem adab Melayu yang amat mementingkan kewujudan hidup masyarakat yang berteraskan kerukunan. Hasil kajian yang dibuat terhadap sifat kesantunan (sifat pengaulan dan komunikasi yang baik dan mengelakkan pertelingkahan) masyarakat Melayu mendapat bagaimana masyarakat Melayu bukan setakat mementingkan soal kesantunan ini secara teoritikal semata-mata, bahkan turut disertai dengan pelan tindakan yang cukup komprehensif. Hal ini perlu dipelajari dan diterapkan secara berhemah dalam pendidikan moral. Antara strategi kesantunan masyarakat Melayu adalah,⁵⁶⁰
- Berasaskan sifat ikhlas.
 - Sifat merendah diri.

⁵⁵⁴ Wan Mohd Nor Wan Daud, *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1998, hlm 162.

⁵⁵⁵ Kajian ini yang menggunakan grant penyelidikan vote F Universiti Malaya pada tahun 1999 telah dilakukan oleh Dr Che Zarrina Sa'ari, yang kemudiannya diterbitkan sebagai "Penyakit gelisah (Anxiety/al-Hulu') dalam masyarakat Islam dan penyelesaiannya menurut Psiko-Spiritual Islam", dalam *Jurnal usuluddin*, v. 14, 2001, hlm 1-22.

⁵⁵⁶ Kajian ini dilakukan oleh dua orang penyelidik dari UUM ke atas responden remaja dari negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Kelantan. Lihat Mohd Taib Ariffin and Che Su Mustaffa, "Era ledakan teknologi maklumat : Isu-isu berkaitan pendedahan terhadap internet di kalangan remaja ", dalam *Teknologi maklumat dan komunikasi : Harapan, cabaran dan Barakah*, Alor Setar : INSANIAH, 2001, hlm 11-32.

⁵⁵⁷ Muhd Mansur Abdullah, "Renggangnya hubungan keluarga punca masalah sosial remaja ", dalam ed. Oleh Mohd. Razali Agus *Pembangunan dan dinamika masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan publication, 2000, hlm 142-151.

⁵⁵⁸ Nur Atiqah Tang Abdullah, "Pendidikan emosi : Kesejahteraan sosial pelajar dan masyarakat menjelang alaf baru ", dalam ed. Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron *Prosiding persidangan kebangsaan Pengajaran umum di Alaf baru*, Bangi : Pusat Pengajaran Umum, UKM, 2000, hlm 293-295.

⁵⁵⁹ Muhd Mansur Abdullah, "Renggangnya hubungan keluarga punca masalah sosial remaja ", hlm 147.

⁵⁶⁰ Maklumat Lanjut Boleh Didapati Dalam Noriat A. Rashid, "Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu ", Dalam *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, V. 3, Bil. 1, Jun 2005, Hlm 112-128.

- Mementingkan sifat maaf dan ucapan terima kasih.
 - Mencari alasan yang munasabah.
 - Mempergunakan sumber rujukan Islam sebagai dalih untuk menolak sesuatu permintaan.
 - Mempergunakan ungkapan Rabbani (unsur Islam)
- 5) Kepentingan menonjolkan neraca dan sifat manusia terbaik (idola) yang berasaskan kepada konsep budi bahasa Melayu dan bukannya seperti mana difahami oleh masyarakat moden semasa. Mengikut kaca mata masyarakat Melayu silam, orang yang dianggap mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat akan dinamakan sebagai orang yang BUDIMAN; merujuk kepada orang yang mempunyai budi pekerti, budi bahasa, budi bicara, akal budi dan adab sopan yang tinggi dan mulia.⁵⁶¹ Secara lebih mendalam lagi, cirri-ciri budiman ini dapat diperjelaskan;
- Budi pekerti dan adab sopan yang mulia – tingkah laku, keperibadian, fil perangai dan tindak tanduk yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakatnya.
 - Budi bahasa dan budi bicara – pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya.
 - Akal budi dan hati budi – akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan dan kebaikan

(2) Pemupukan Semangat Cinta Dan Berbangga Dengan Warisan Budaya Melayu-Islam

Semangat berbangga dengan warisan budaya sendiri ini boleh dipupuk seandainya kita mampu memperlihatkan keunggulan sentuhan manusia Melayu yang pernah melahirkan tamadun material dan intelektual yang tinggi di rantau Alam Melayu suatu masa dahulu. Dalam soal ini, paradigma sentuhan manusia Melayu ini dicirikan dengan pelbagai nilai positif yang merujuk khusus kepada sifat budaya dan local genius (kepintaran) manusia Melayu;

- Manusia yang mempercayai kewujudan dan bergantung kepada kuasa tuhan yang menguasai sepenuhnya kehidupan manusia di alam nyata dan alam ghaib.⁵⁶²
- Manusia yang mesra alam dan mementingkan prinsip penjagaan keseimbangan alam semesta. Mereka amat menghormati dan melayani semua makhluk yang wujud di alam semesta ini dengan cara yang baik.⁵⁶³ Pendekatan mesra Alam⁵⁶⁴ ini merujuk kepada paradigma yang mempercayai alam sebagai sumber ilmu,⁵⁶⁵ rezeki dan pedoman untuk menjalani kehidupan bermasyarakat.
- Manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak.⁵⁶⁶
- Manusia yang mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism.⁵⁶⁷ Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup

⁵⁶¹ Maklumat Lanjut Boleh Didapati Dalam Hashim Musa, *Falsafah, Logic, Teeori Nilai Dan Etika Melayu : Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur : APM, 2001, Hlm 79-81.

⁵⁶² Haron Daud, "Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri", Dalam Ed. Oleh Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus *Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri : Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Dan Pemikiran Melayu/Indonesia 11*, Kuala Lumpur : DBP, 2002, Hlm 113-138.

⁵⁶³ Zainal Kling, "Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya", Dalam Ed. Oleh Abdul Latiff Abu Bakar *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*, Kuala Lumpur : DBP, 2000, Hlm 294-304.

⁵⁶⁴ Maklumat Lanjut Tentang Bentuk Dan Implikasi Kehidupan Ala' Alami Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Di Sebelah Timur Berbanding Dengan Masyarakat Barat (Non-Alami), Boleh Dilihat Dalam Mujiyono Abdillah, *Agama Ramah Lingkungan : Perspektif Al-Quran*, Jakarta : Paramadina, 2001, Hlm 147-152.

⁵⁶⁵ Kupasan Yang Cukup Menarik Dalam Soal Ini Boleh Didapati Dalam Hassan Ahmad, *Metafora Melayu : Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna Dan Membentuk Epistemologinya*, Sungai Ramal Dalam : Akademi Kajian Ketamadunan, 2003, Hlm 32-42.

⁵⁶⁶ Abdul Halim Othman Dan Md. Shuaib Che Din, "Sifat Kesederhanaan", Dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, Hlm 102-109.

⁵⁶⁷ Norazit Selat, "Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu", Dalam *Budi Kencana : Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien*, Kuala Lumpur : APMUM, 1994, Hlm 133-141.

tinggi.⁵⁶⁸ Pendekatan ini bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing.⁵⁶⁹

- Manusia yang memiliki dan mementingkan elemen keindahan dan nilai estetika yang tinggi.⁵⁷⁰
- Manusia yang kuat berpegang kepada falsafah yang mementingkan pertimbangan agama dan nilai (perennial and ultimate perspective), berbanding dengan masyarakat barat yang lebih mementingkan persoalan kebendaan dan individualism mengatasi persoalan agama.⁵⁷¹
- Manusia yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana yang kemudiannya telah melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.⁵⁷² Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.⁵⁷³
- Manusia yang memiliki kepintaran pemikiran yang cukup advance yang diperincikan dengan empat bentuk pemikiran; (i) Teologis-Rasional, (ii) Alegorikal (simbolik), (iii) Analogis dan pragmatic.⁵⁷⁴
- Mengamalkan sikap terbuka, sanggup belajar dan selektif dengan pengaruh budaya dan agama asing.⁵⁷⁵
- Memiliki semangat dan ciri-ciri budaya ilmu yang tinggi; terbukti dengan tingginya sifat ingin tahu sehingga melahirkan ilmu Asbab (teori tentang kelahiran sesuatu perkara),⁵⁷⁶ menghormati golongan ilmuan yang berpengalaman (seperti Bomoh kerana memiliki kemahiran berinteraksi dengan makhluk halus) dan sifat yang mengganggap semua ilmu bukan milik peribadi tetapi lebih menjadi milik masyarakat.⁵⁷⁷

Apa yang jelasnya, semua sifat-sifat dan ciri-ciri positif ini kemudiannya telah diperkuuhkan lagi dengan ajaran Islam Islam⁵⁷⁸ yang diterima dan dihargai sepenuhnya oleh manusia Melayu sehingga sampai kepada peringkat ianya dijadikan neraca utama kepada sifat dan jati diri (Malaynes) manusia Melayu.⁵⁷⁹

(3) Pemupukan Sikap Proaktif Dan Kritikal Terhadap Fenomena Globalisasi Semasa.

Seperti mana dinyatakan oleh pemikir Melayu semasa bahawa globalisasi dewasa ini sebenarnya lebih merupakan usaha pencegahan nilai-nilai sekular barat ke seluruh dunia.⁵⁸⁰ Merujuk khusus kepada isu moral, pandangan ini memang mempunyai asas yang kukuh kerana mengikut pandangan faham sekularisme, neraca utama bagi sesuatu etika dan perbuatan yang baik itu bergantung kepada;⁵⁸¹

⁵⁶⁸ Wan Abdul Halim Othman, "Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu", Dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, Hlm 61-101.

⁵⁶⁹ Idris Zakaria, "Islam Dan Amalan Tolerasi Di Nusantara", Dalam (Edit) Zulkiple Abd Ghani, *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi : Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Ukm, 2003, Hlm 150-165

⁵⁷⁰ Muhammad Haji Salleh, *Menyeberang Sejarah : Kumpulan Esei Pilihan*, Kuala Lumpur : DBP, 1999, Hlm 165-189.

⁵⁷¹ Abdul Rahman Abdullah, *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 2001, Hlm 134-140.

⁵⁷² Ibn Khaldun, *Muqaddimah Al-'Allamah Ibn Khaldun*, Dar Al-Fikr, T.T., Hlm 82-95.

⁵⁷³ Lihat Rahimin Affdani Abdul Rahim, "Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia", Dalam (Edit Oleh Zulkiple Abd. Ghani) *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM Dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Bangi, 2003, Hlm 47-74.

⁵⁷⁴ Hassan Ahmad, "Bahasa Dan Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesinambungan", Dalam (Edit) Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris *Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesinambungan*, Kuala Lumpur : DBP, 2004, Hlm 1-12.

⁵⁷⁵ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur : DBP, 1999, Hlm 54-56.

⁵⁷⁶ Ibid, Hlm 12-15.

⁵⁷⁷ Muhammad Haji Salleh, *Yang Empunya Cerita, The Mind Of The Malay Author*, Kuala Lumpur : DBP, 1991, Hlm 18-22.

⁵⁷⁸ S.M. Naquid al-Attas, *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur : DBP, 1969, hlm 4-7.

⁵⁷⁹ Lihat Zainal Abidin Borhan, "Pantun dan peribahasa Melayu : Persoalan jati diri dan patriotisme", dalam *Globalisme dan patriotisme dalam sastera Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, 2000, hlm 45-58.

⁵⁸⁰ Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : ke arah pembinaan sebuah tamadun dunia Alaf baru*, Kuala Lumpur : APMUM, 2001, hlm 36.

⁵⁸¹ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Keistimewaan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap", dalam *Seminar Keindahan Islam 2003 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus*, Anjuran Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan, Seremban, pada 25hb. Mac 2003.

- Prinsip vitalisme – apa-apa sahaja yang berbentuk kuat dan menguntungkan dari segi kebendaan akan dianggap sebagai baik.
- Prinsip kreativiti – apa-apa sahaja yang boleh mencetuskan daya kreativiti dan menghasilkan ciptaan baru akan dianggap sebagai baik dan bermutu.
- Prinsip hedonisme – apa-apa sahaja yang boleh memuaskan hawa nafsu manusia akan dianggap sebagai baik, manakala apa-apa sahaja yang boleh membawa penderitaan nafsu akan dianggap sebagai buruk.
- Prinsip majoriti masyarakat – apa-apa sahaja yang disukai oleh tren dan kecenderungan sesuatu masyarakat akan dianggap sebagai baik

Sebagai analisis perbandingan terhadap kerangka sistem nilai ala barat yang dicanangkan sebagai maju oleh pihak barat, Siddiq fadhil telah mengemukakan neraca sistem nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu, berteraskan ajaran Islam dan adat ketimuran. Set ataupun neraca ini telah diperincikan sebagai,⁵⁸²

1. *The principle of Tauhid, Nubuwwah and Khalifah.*
2. *Importance of face or maruah (dignity)*
3. *Orientation toward the community*
4. *Loyalty to the community and family*
5. *Social cohesion and harmony*
6. *Emphasis on the middle way or the path of moderation*
7. *Strong work ethic and capacity for hard work*
8. *Filial piety and respect for elders*
9. *Emphasis on the importance of education.*

Dewasa ini, para pemikir barat sendiri telah mengakui kelemahan yang dimiliki oleh sistem nilai barat yang terlalu berasaskan kepada sifat individualism, materialism dan hedonisme, dan telah mula meniru ataupun mempelajari kerangka sistem nilai ketimuran yang lebih berteraskan kepada prinsip keagamaan dan perennial.⁵⁸³ Bersamaan dengan sikap selektif ini, pakar pendidikan Melayu-Islam juga perlu menghakis mentaliti dan sikap yang terlalu pro nilai-nilai barat yang dikatakan oleh Syed Hussien al-Attas sebagai golongan yang mempunyai *watak tertawan*, di kalangan semua lapisan masyarakat di Malaysia. Antara sikap utama golongan ini adalah;⁵⁸⁴

1. sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada barat.
2. Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menanggani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah.
3. Mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan barat dan sering taasub dengan teori dan bahan bacaan daripada barat.
4. tidak mengamalkan sikap kritikal dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber barat.
5. Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka.

Sebagai lanjutan kepada sikap tertawan ini yang rata-ratanya dihadapi oleh pelbagai kalangan masyarakat, timbul beberapa persoalan sistem nilai yang masih gagal ditonjolkan secara tuntas di dalam masyarakat, yang terdiri dari;⁵⁸⁵

⁵⁸² Siddiq Fadhil, " Jatidiri Dan Nilai-Nilai Budaya Dalam Pemikiran Melayu ", Dalam Edit Ahmad Mohamad Said *Pembangunan Watak Bangsa : Pemerksaan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*, Kajang : Akademi Kajian Ketamadunan, 2005, Hlm 40-42.

⁵⁸³ Haron Daud, " Pemikiran Melayu tentang alam dan hakikat diri ", dalam ed. Oleh Syed Muhammad dawilah al-Edrus *Pemikiran Melayu tentang Alam dan hakikat diri : Kumpulan kertas kerja Kolokium Bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia 11*, Kuala Lumpur : DBP, 2002, hlm 113-138.

⁵⁸⁴ Syed Hussein al-Attas, " Watak tertawan di negara membangun ", dalam edit oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, 2005, hlm 2-7.

⁵⁸⁵ Ibid, hlm 8-10..

1. Masalah kurangnya sifat bersungguh-sungguh (sense of urgency) dalam melakukan sesuatu perkara.
2. Kurangnya ditonjolkan kepentingan sifat malu (sense of shame) di dalam masyarakat. Apa yang sepatutnya dirasakan malu tidak ditonjolkan, sebaliknya ianya cuba ditenggelamkan.
3. Kurangnya masalah kebertanggungjawaban (sense of accountability).
4. Meluasnya gejala keruntuhan moral dan rasuah di dalam masyarakat.

(4) Komponen Pembangunan Modal Insan Mengikut Perspektif Manusia Melayu-Islam

Hasil penelitian yang dilakukan terhadap pemikiran manusia Melayu-Islam, kita boleh memetik beberapa intipati penting daripada manuskrip Melayu yang boleh digunakan untuk pembentukan rakyat berminda kelas pertama. Hal ini boleh dirujuk kepada sistem etos kerja dan kepimpinan.

(a) Sistem Etos Kerja Melayu

Dalam konteks dunia moden, sistem etos kerja sering dikaitkan dengan doktrin Protestant Christian ethic – yang mengalakkan umat kristian barat bukan setakat berusaha mencari rezeki untuk kepentingan dunia, tetapi juga didorong oleh galakan mendapat ganjaran pahala daripada agama kristian Mazhab protestant.⁵⁸⁶ Mazhab Calvinisme yang menekankan penggunaan motivasi keagamaan untuk manusia berusaha keras mencari kekayaan dunia. Begitu juga, penonjolan turut ditumpukan kepada fahaman dan agama lain di sebelah timur,⁵⁸⁷ tanpa sedikit pun mengambilkira sumbangan yang memang kedapatan dalam sosiologi manusia Melayu. Dalam pemahaman manusia Melayu, sistem etos kerja ini boleh dikesan terdiri dari;

1. Mementingkan peranan pekerjaan dalam kehidupan manusia Melayu- membahagikan kerja kepada dua jenis, kerja memerlukan tenaga dan otak. Sesuatu pekerjaan manusia dikaitkan dengan maruah bila mana seseorang yang mempunyai kekayaan akibat daripada usaha kerja keras akan mendapat perhormatan yang tinggi di dalam masyarakat. Begitu juga halnya seseorang akan dihina oleh masyarakat seandainya mengamalkan sifat malas dan enggan untuk berusaha di dalam sesuatu pekerjaan.⁵⁸⁸
2. Mementingkan penghasilan kerja yang cemerlang dinilai dari segi kadar kesungguhan fizikal dan mental, seperti sifat amanah, setia, malu, timbangrasa, muafakat, gotong royong, persefahaman dan sebagainya.⁵⁸⁹
3. Mementingkan usaha penambahbaikan sesuatu mutu kerja merangkumi⁵⁹⁰

- Elemen Motivasi Kerja
 - *Di mana ada kemahanan, di situ ada jalan* – apabila ada kemahanan pasti akan tercapai tujuan.
 - *Sekali lancing ke ujian, seumur hidup orang tidak percaya* – kebaikan akan dibuat hilang oleh kesalahan yang dilakukan hanya sekali.
 - *Sekepal demi sekepal* – kepentingan berjimat cermat ; sedikit demi sedikit, lama-lama menjadi banyak
- Keperluan memahami dan mempelajari situasi serta keilmuan baru yang berkaitan dengan organisasi pekerjaan.
 - *Lain padang, lain belalang* – keperluan mengetahui bahawa lain daerah lain kebiasaan; kepentingan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja.
 - *Pandai meneliti zaman beralun-* keperluan pandai membaca perkembangan zaman akan mencapai kejayaan dan menjadi maju.
- Mementingkan masa

⁵⁸⁶ Abdul Rahman Aziz, *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*, Petaling Jaya, 2000, Hlm 90-92.

⁵⁸⁷ Maklumat Lanjut Boleh Didapati Dalam Shukri Ahmad, *Adab Dan Etika Kerja Dalam Organisasi*, Sintok : Penerbit UUM, 2001, Hlm 29-37.

⁵⁸⁸ Norazit Selat, "Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu ", Dalam (Edit) Nik Salfiah Karim Budi Kencana, Kuala Lumpur : APMUM, 1994, Hlm 134-140.

⁵⁸⁹ Norazit Selat, "Manifestasi Kosmologi Dalam Hokum Adat Perpatih ", Dalam (Edit) Yaacob Haron *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur : APMUM, 2001, Hlm 93-97.

⁵⁹⁰ Lihat Sebagai Contohnya, Ahmad Samin Siregar, "Pemikiran Berupa Nilai Budaya Dalam Peribahasa Melayu : Kajian Kes Melayu-Serdang ", Dalam (Edit) Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris, *Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesinambungan*, Kuala Lumpur : DBP, 2004, Hlm 46-65.

- *Waktu adalah wang* – setiap aktiviti yang menggunakan waktu yang baik pasti akan menghasilkan wang.
- *Beribu ke waktu, bertapak ke zaman* – berwawasan sesuai dengan perkembangan zaman.
- Elemen meningkatkan mutu sesuatu kerja
- *Bumi mana tidak kena hujan* – setiap manusia pasti mempunyai kesalahan.
- Elemen pengurusan konflik dalam organisasi
- *Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat; penghulu beraja ke muafakat, muafakat beraja kepada yang benar; ibu hukum muafakat, ibu adat muafakat* – kepentingan berkerja secara berpasukan dan menyelesaikan sebarang konflik secara bersama dan merujuk kepada prinsip-prinsip Islam.

(b) Elemen kepimpinan Melayu

Dalam soal ini, keunggulan formula pembangunan modal insan manusia Melayu cukup terserlah apabila memberikan kupasan yang mendalam tentang isu kepimpinan.⁵⁹¹ Hal ini dapat diperincikan dengan beberapa penjelasan utama;

1. Kriteria sebenar untuk seseorang pemimpin, yang biasanya seorang yang berusia, berpengalaman dan prihatin dengan keadaan orang yang dipimpin (seperti akrab dengan orang yang dipimpin dan sedar dengan tanggungjawab yang terpaksa dipikul)
 - Pemimpin sebagai seorang yang dituakan;
 - Yang didahulukan selangkah*
 - Yang ditinggikan seranting*
 - Yang dilebihkan serambut*
 - Yang dimuliakan sekuku*
 - Pemimpin yang akrab dengan orang dipimpin;
 - Yang diberikan kepercayaan*
 - Yang diberikan kekuasaan*
 - Yang diberikan beban berat*
 - Yang dikemukakan oleh rakyatnya
 - Yang dimuliakan oleh kaumnya
 - Yang didudukkan pada patutnya
 - Yang ditegakkan pada layaknya
 - Yang dikukuhkan dengan adatnya
2. Keperibadian khusus yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin;
 - Berilmu dan berpengalaman;
 - Tahu duduk pada patutnya*
 - Tahu tegak pada layaknya*
 - Tahu kata yang berpangkal*
 - Tahu hujan yang berpokok*
 - Sabar;
 - Tahan berhujan mau berpanas*
 - Tahan bersusah berpenat lelah*
 - Tahan berlenjin tak kering kain*
 - Tahan berteruk sepepak teluk*
 - Tahan berkain sehelai sepinggang*
 - Tahan mati berkaland tanah.*

⁵⁹¹ Tenas Effendy, *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, 2000.

- Bijaksana; gabungan antara ilmu dan hikmah (pengalaman);

Cerdik mengurung dengan lidah

Cerdik mengikat dengan adat

Cerdik menyimak dengan syarak

Pandai memilih tempat jatuh

Pandai menghapus arang di kening

Pandai menyambung patah arang.

Rela berkorban membela kawan

Rela dipijak membela yang hak

Rela mati membela budi

Rela beralih dalam menang

Rela binasa membela bangsa

- Ikhlas;

Ikhlas menolong tak harap sanjung

Ikhlas berbudi tak harap puji

Ikhlas berkorban tak harap imbalan

Ikhlas bekerja tak harap upah

Ikhlas memberi tak harap ganti

Ikhlas memerintah tak harap sembah

- Taqwa dan tawaduk;

Taat dan taqwa kepada Allah

Taat kepada janji dan sumpah

Taat memegang petua dan amanah

Taat memegang suruh dan tegah

Taat kepada keputusan musyawarah

Taat memelihera tuah dan maruah

Taat membela negeri dan rakyatnya

3. Formula tentang pantang larang untuk dipatuhi oleh seseorang pemimpin. Semua pantang larang ini adalah sifat buruk yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam, adat dan system norma sosial yang dipegang oleh masyarakat Melayu. Antaranya adalah sifat salah berserta sumbang, tidak menepati kehendak syarak dan adat, sifat yang boleh membawa kebencian dan sebagainya. Sebagai contohnya, terdapat beberapa ungkapan yang berkaitan dengan pantang larang ini⁵⁹².

Beriman di mulut, hati berlumut

Beriman di lidah, hati menyalah

Lidah bercabang, langkah menyilang

Cakap berlecoh, perangai tak senonoh

Tamak harta, mabuk dunia

Loba pangkat, lupa akhirat

Kemaruk puji, lupa diri

Ke tengah menfitnah, ke tepi mendengki

Ke laut menghasut, ke darat mengumpat

Ke hulu menipu, ke hilir menyindir

Ke atas mengampu, ke bawah melapah

Ke gunung menyombong, ke lurah menista.

⁵⁹² Ibid, Hlm 20-25.

*Berkawan dengan setan, berguru pada nafsu
Beraja pada selera, bersahabat pada maksiat*

*Berkerja malas, memimpin culas
Bersusah malu, berpahit tak mau*

*Diberi kuasa lupakan bangsa
Diberi petuah lupakan maruah
Diberi ingat umpat mengumpat
Diberi pertunjuk kutuk mengutuk
Diberi beban mencari yang ringan
Diberi tugas berlaku culas
Diberi tanggungjawab laku menyelap
Diberi kerja bermanja-manja
Diberi bekal sesal menyesal*

*Mendapat laba bertambah loba
Mendapat rezeki tambah mengiri
Mendapat pingat tambah kianat
Mendapat untung bertambah sombong*

*Mengejar pangkat mahu menjilat
Mengejar harta mahu melata
Mengejar kedudukan mahu melendan
Mengejar pengaruh mahu bergaduh
Mengejar dunia mahu menganiaya*

*Sesama keluarga laga melaga
Sesama kawan makan memakan
Sesama sahabat sebat menyebat
Sesama bangsa paksa memaksa*

*Banyak ilmu beramal tak mau
Banyak harta bersedekah tak suka*

*Lupa hidup akan mati
Lupa harta akan pergi
Lupa musim akan berganti
Lupa ilmu lupa diri*

Kesimpulan.

Sebagai rumusan akhir, dapat kita katakan bahawa usaha pihak kerajaan melancarkan kempen melahirkan masyarakat Malaysia yang berminda kelas pertama bersesuaian dengan kemudahan infrastruktur yang bertaraf dunia perlu disokong sepenuhnya. Apa yang lebih penting lagi, semua pihak khususnya institusi pendidikan tinggi perlu sama-sama bergading bahu untuk menjayakan kempen ini, melalui pembentukan program dan kurikulum yang menjurus ke arah pembentukan rakyat berminda kelas pertama. Setakat yang telah dikupas melalui kertas kerja ini, kita mendapati masih banyak kelemahan yang dikesan membabitkan institusi pendidikan tinggi, yang boleh diperbaiki dengan mempergunakan sepenuhnya warisan Melayu-Islam silam yang terbukti telah dihasilkan berasaskan kepada kerangka, pengalaman, penjanaan pemikiran dan pencapaian ilmiah yang cukup tinggi. Ianya boleh dikatakan sebagai sumber warisan yang paling bermakna sekali yang sepatutnya perlu diterapkan intipati kandungannya secara berhemah di dalam kurikulum pengajian Melayu-Islam di Malaysia. Untuk memastikan hal ini berjaya dijalankan secara berperancangan, beberapa langkah ataupun paradigma dalam bentuk makro dan mikro yang diutarakan secara panjang lebar di dalam kertas kerja ini perlu disokong, ataupun ianya patut diperkemaskan lagi dengan melakukan pengkajian susulan yang sepatutnya.